

TAHUN 5
BAHASA MELAYU
CIKGU IRFAN

Bahagian A: Tandakan Betul / Salah

Tuliskan “Betul” bagi ayat tunggal dan “Salah” bagi ayat bukan ayat tunggal pada ruangan yang disediakan.

1. Ali membaca buku cerita di ruang tamu. ()
2. Ayah dan ibu sedang memasak di dapur lalu makan bersama-sama. ()
3. Murid-murid beratur di kantin sekolah. ()
4. Kucing itu tidur di atas sofa kemudian berlari ke luar rumah. ()
5. Puan Salmah menjual kuih di pasar pagi. ()
6. Murid itu membaca buku cerita di perpustakaan. ()
7. Ayah membeli ikan di pasar lalu memasaknya di dapur. ()
8. Kucing itu tidur di atas kerusi. ()
9. Farah menulis surat kepada sahabatnya. ()
10. Ali berlari di padang kemudian bermain bola dengan rakannya. ()
11. Pokok bunga itu tumbuh subur di halaman rumah. ()
12. Ibu memasak nasi goreng untuk keluarga. ()
13. Amri menonton televisyen sambil makan keropok. ()
14. Bas itu berhenti di stesen bas. ()
15. Kakak menyapu lantai bilik tidur. ()

Bahagian B: Bina Ayat Tunggal

Bina ayat tunggal daripada kata yang diberi.

1. Menyapu

2. Menulis

3. Membaca

4. Memasak

5. Menyanyi

6. Melompat

7. Menyiram

8. Menjahit

9. Menonton

10. Menyimpan

Cerakinkan setiap ayat majmuk di bawah kepada dua ayat tunggal tanpa mengubah maksud asalnya

1. Ayah mencuci kereta di halaman rumah manakala ibu memasak rendang di dapur.
Ayat 1:
Ayat 2:
2. Salina yang menderita penyakit kanser tahap empat telah meninggal dunia di Hospital Sungai Buloh petang semalam.
Ayat 1:
Ayat 2:
3. Pekerja-pekerja asing menjadi pilihan banyak majikan di negara ini kerana mereka sanggup menerima upah lebih rendah.

Ayat 1:
Ayat 2:
4. Adakah Encik Amran hendak ke Muzium Negara atau ke Putrajaya.
Ayat 1:
Ayat 2:
5. Pendebat itu petah berhujah dan bijak mematahkan hujah lawan.
Ayat 1:
Ayat 2:
6. Siswazah yang berpandangan jauh tidak mengharapkan kerja makan gaji sahaja.
Ayat 1:
Ayat 2:
7. Semua anggota masyarakat hendaklah saling menghormati agar kehidupan rakyat di negara ini bertambah harmoni.
Ayat 1:
Ayat 2:
8. Walaupun jadual kerja pemimpin besar itu padat, beliau masih dapat meluangkan masanya untuk bertemu dengan penduduk setempat.
Ayat 1:
Ayat 2:
9. Aktiviti kokurikulum yang dilaksanakan di sekolah memberikan faedah yang banyak kepada murid-murid.
Ayat 1:
Ayat 2:

10. Sumbangan sektor perindustrian terhadap kekukuhan ekonomi Malaysia tidak dapat disangkal lagi malah perlu diberikan fokus utama dari semasa ke semasa.
Ayat 1:
Ayat 2:

Susun perkataan di bawah supaya menjadi **ayat tunggal yang gramatis**.

1. berjaya / pasukan / itu / memenangi / kejohanan / bola jarring

2. perpustakaan / membaca / murid-murid / senyap-senyap / di

3. setiap / menanam / pokok / murid / bunga / di / sekolah

4. baharu / membeli / ayah / sebuah / komputer / semalam

5. ceramah / dewan / mendengar / di / para pelajar / motivasi

6. setiap / pagi / bersenam / datuk / di / taman

7. cantik / bunga-bunga / mekar / di / halaman / rumah

8. projek / kumpulan / menyiapkan / mereka / bersama-sama

9. pelancong / gambar / mengambil / pantai / di

10. kami / sungai / membersihkan / berhampiran / kampung
